

12 AUG 2003

SAID-SWAZILAND/I

SWAZILAND SASAR MAKSIMAKAN FAEDAH JADI HOS SAID 2003

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE (Swaziland), 12 Ogos (Bernama) - Swaziland mensasarkan untuk memaksimakan faedah daripada menjadi tuan rumah kepada Dialog Perkongsian Pintar Global 2003 melalui kemajuan penduduknya hasil daripada limpahan aktiviti ekonomi terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan peningkatan hubungan dengan jiran serantau.

Menteri Ekonomi, Perancangan dan Pembangunannya, Putera Quduza, berkata walaupun dialog perkongsian pintar itu tidak memberikan faedah serta merta, namun begitu ia merupakan alat yang penting dalam mengeratkan hubungan antara kerajaan, buruh dan sektor swasta.

Dalam temu bual dengan wartawan Malaysia pada Isnin, beliau berkata semua peringkat masyarakat Swaziland bersama-sama ke satu arah bagi memastikan kejayaan acara besar berkenaan bagi sebuah negara kecil seperti Swaziland serta meletakkannya di peta dunia.

Meskipun sebahagian besar masyarakat luar bandarnya berada dalam kemiskinan, akibat kemarau yang kronik, beliau berkata rakyat menyokong dialog berkenaan sebagaimana yang dilihat dengan apa yang berlaku minggu lepas apabila seorang budah lelaki berumur 10 tahun memberi sumbangan lima ekor ayam bagi membantu menyokong dialog tersebut manakala kebanyakan rakyat memberikan lembu.

Bagi meningkatkan hubungan dengan negara jiran, beliau berkata dialog perkongsian pintar itu menyediakan peluang penting bagi negara-negara Afrika yang mungkin sebaliknya tidak akan dapat duduk bersama-sama dan berbincang di meja yang sama disebabkan oleh kemarahan sejak bertahun-tahun, suatu yang menjadi sifat politik orang Afrika.

Daripada perspektif serantau, perkongsian pintar yang diilhamkan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang pertama pada 1995, membolehkan perkongsian idea secara aman dan mencapai situasi sama memang meskipun ketidakstabilan di pelbagai negara Afrika.

"Di beberapa negara yang mengalami masalah, ia merupakan satu alat untuk mencapai keamanan," kata Putera Quduza.

Sebagai contoh, dialog di kalangan negara Afrika adalah penting bagi meningkatkan kesedaran mengenai HIV-AIDS, yang kronik di negara-negara seperti Uganda dan Swaziland.

Di Swaziland, yang mempunyai penduduk sebanyak 1.2 juta orang, satu daripada empat atau lima orang dijangkiti virus HIV-AIDS, kata Putera Quduza.

Beliau berkata kerajaan telah menubuhkan pejabat bebas yang dikenali sebagai "Nercha" bagi menangani krisis AIDS di Swaziland manakala bagi peringkat rantau, negara-negara Afrika telah mengadakan pakatan dengan pelbagai artis Amerika untuk melancarkan album muzik, di mana hasil penjualan album berkenaan akan digunakan untuk meningkatkan kesedaran bagi melawan AIDS.

Sementara itu, dua tabloid berbahasa Inggeris utama di Swaziland, "The Swazi Observer" dan "Times of Swaziland", menumpukan sebahagian besar liputan mereka kepada dialog perkongsian pintar berkenaan dengan raja negara itu, Raja Mswati III sendiri, secara peribadi membuat pemeriksaan di saat-saat akhir.

Beliau disebut sebagai berkata bahawa Swaziland bersedia menjadi tuan rumah dialog berkenaan terutamanya selepas dialog kebangsaan menyediakan pendedahan kepada penduduknya berhubung tugas menjadi hos kepada

perhimpunan yang besar itu. -- BERNAMA
MR MKO SHY NHD